# SENARAI BANTUAN BAGI PELAJAR KUIM DARI AGENSI DAN NEGERI-NEGERI DI MALAYSIA

| NO | NAMA BANTUAN | LINK PORTAL | SYARAT | JUMLAH BANTUAN |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Bantuan Yayasan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur | https://www.yayasanwp.org | ➢ Bantuan kewangan kepada anak-anak daripada keluarga berpendapatan rendah di Wilayah Persekutuan yang berjaya melanjutkan pengajian ke Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Awam atau Swasta.<br><br>➢ Pemohon yang masih menuntut di semester 1, tahun pertama sahaja yang layak memohon. | ➢ Tidak dinyatakan. |
| 2. | Bantuan Skim Dana Ehsan (SDEP) | https://www.ypm.org.my | ➢ Menyediakan bantuan kewangan secara *one-off* bagi meringankan beban pelajar yang mengalami masalah kewangan semasa mengikuti pengajian di institusi pengajian tinggi. | ➢ Tidak dinyatakan. |
| 3. | Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Perak | http://maiamp.gov.my | ➢ Setiap peringkat pengajian hanya sekali sahaja bantuan akan diberi.<br><br>➢ Pemohon mestilah bermastautin dalam Negeri Perak | ➢ Ijazah sebanyak RM700.<br>➢ Diploma sebanyak RM600. |
| 4. | Skim Bantuan Kewangan Pelajar IPTS RISDA 2021 | https://www.risda.gov.my | ➢ Pembiayaan bantuan adalah secara *one-off* dengan kadar bantuan mengikut tahap pengajian.<br><br>➢ Pemohon hendaklah terdiri daripada anak-anak pekebun kecil seperti mana yang disahkan oleh Pegawai RISDA Daerah / Jajahan / Bahagian atau Bahagian Tanam Semula Ibu Pejabat atau anak-anak wargakerja RISDA/ Pesara RISDA/ SMR seperti yang disahkan oleh Ketua Pusat Tanggungjawab masing-masing. | ➢ Ijazah pertama sebanyak RM500.<br>➢ Diploma sebanyak RM300. |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | ➢Pendapatan isirumah sekeluarga hendaklah RM3,800.00 dan ke bawah sebulan. | |
| 5. | Bantuan Tunai Pendaftaran IPT Secara One-Off (BUDI) untuk Anak Negeri Sabah | https://budi.sabah.gov.my | ➢ Permohonan terbuka kepada pelajar/pemohon yang akan melanjutkan pengajian ke Institut Pangajian Tinggi Awam atau Swasta Tahun 2021 untuk kemasukan kali pertama ke IPT di seluruh Malaysia (Sabah, Sarawak dan Semanjung Malaysia) dan diiktiraf oleh kerajaan.<br><br>➢ Pemohon mestilah warganegara Malaysia berasal dari Negeri Sabah dan berumur tidak lebih 25 tahun.<br><br>➢ Pemohon adalah pelajar yang melanjutkan pengajian di peringkat Sarjana Muda sahaja.<br><br>➢ Ibu dan bapa pemohon atau penjaga adalah tergolong dalam B40 dan M40 dengan pendapatan isi rumah RM5,000.00 dan ke bawah.<br><br>➢ Tarikh tutup permohonan adalah pada **30 Oktober 2021** | ➢RM2,000 bagi peringkat Sarjana Muda. |
| 6. | TAPEM Melaka | https://tapem.melaka.gov.my | ➢ Pemohon lahir di negeri Melaka dan ibu atau bapa pemohon lahir di negeri Melaka.<br><br>➢ Permohonan boleh dibuat bagi kemasukan kali pertama untuk setiap satu tahap pengajian sahaja.<br><br>➢ Pemohon layak dipertimbangkan jika ibu bapa **(BUKAN LAHIR DI MELAKA)** merupakan penjawat awam atau | ➢ *One-off* RM 1,000 (**MUSLIM**)<br><br>(**NON - MUSLIM**)<br>➢ PHD : RM400<br>➢ Sarjana : RM400<br>➢ Ijazah : RM400<br>➢ Diploma : RM300 |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | anggota pasukan beruniform telah berkhidmat dan telah bermastautin lebih 10 tahun di negeri Melaka serta disahkan oleh Majikan dan Pegawai Kerajaan (Gred 41 ke atas) /Pengerusi JAPERUN / Penghulu /Sidang.<br><br>➢ Borang permohonan bagi Bantuan *One-Off* RM 1,000 hanya akan diedarkan selepas 3 bulan pelajar masuk mendaftar dan belajar di KUIM<br><br>➢ Kedua-dua borang permohonan Bantuan *One-Off* bagi pelajar (Muslim) & Non Muslim boleh diambil sendiri di pejabat TAPEM atau Pejabat Bendahari, Kolej Universiti Islam Melaka.<br><br>➢ Permohonan hendaklah dibuat dalam tempoh 6 bulan dari tarikh pendaftaran di KUIM | |
| 7. | Bantuan Dana Kewangan IPT di Negeri Sembilan | https://www.ns.gov.my | ➢ Pemohon yang gagal mendapat pinjaman PTPTN sahaja layak memohon pinjaman Yayasan Negeri Sembilan.<br><br>➢ Pemohon adalah anak Negeri Sembilan yang menetap di Negeri Sembilan.<br><br>➢ Pemohon hendaklah memohon dalam **tempoh tahun pertama pengajian.**<br><br>➢ Pendapatan isi rumah tidak melebihi RM4,000.<br><br>➢ Pemohon adalah salah seorang daripada anak peneroka Felda di Negeri Sembilan | ➢ Tidak dinyatakan. |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 8. | Bantuan Anak Selangor Masuk Universiti (hadiah pengajian IPT) | https://hpipt.selangor.gov.my | ➢ Pemohon, ibu dan bapa mestilah terdiri daripada rakyat DYMM Sultan Selangor Darul Ehsan yang memenuhi kriteria seperti berikut:<br>a) Pemohon lahir dan menetap di Negeri Selangor<br>b) Ibu atau bapa lahir dan menetap di Negeri Selangor<br>c) Pemohon telah bermastautin dan bersekolah di Negeri Selangor tidak kurang dari 11 tahun dan menetap di Negeri Selangor<br>d) Ibu atau bapa telah bermastautin dan menetap di Negeri Selangor selama 11 tahun<br>➢ Pemohon telah ditawarkan tempat untuk memasuki semester pertama.<br>➢ Pemohonan hanya untuk tahun pertama pengajian sahaja.<br>➢ Pendapatan isi rumah ibu, bapa atau penjaga pemohon berjumlah RM5,000 dan ke bawah. | ➢ RM1,000 bagi semua peringkat pengajian. |
| 9. | Dermasiswa Yayasan Negeri Perak | http://yayasanperak.gov.my | ➢ Bagi kemasukan pengajian SEPENUH MASA DAN SEPARUH MASA bagi SEMESTER PERTAMA di TAHUN PERTAMA sahaja di peringkat Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Ijazah Sarjana (MASTER) dan Ijazah Doktor Falsafah (PhD) ke IPT yang tersenarai.<br>➢ Permohonan Ijazah Sarjana (MASTER) dan Ijazah Doktor Falsafah (PhD) adalah terbuka kepada pelajar SEPENUH MASA atau | ➢ Pengajian peringkat Ijazah Doktor Falsafah (PhD) : RM2,000<br>➢ Pengajian peringkat Ijazah Sarjana (Master) : RM1,500<br>➢ Pengajian peringkat Ijazah Sarjana Muda : RM1,000 |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | SEPARUH MASA serta sama ada yang BEKERJA atau TIDAK BEKERJA.<br><br>➢ Keutamaan kepada mahasiswa yang masih menetap di Negeri Perak.<br><br>➢ Isirumah (Ibu dan Bapa) keluarga berpendapatan di bawah RM5,000 sebulan sahaja (gaji pokok). | ➢ Pengajian peringkat Diploma : RM500 |
| 10. | Bantuan Sara Diri dan Kecemasan Anak Perak | http://yayasanperak.gov.my | **Bantuan Sara Diri**<br>➢ Anak kelahiran Negeri Perak.<br><br>➢ Semua permohonan perlu mendapat sokongan / pengesahan pihak Hal Ehwal Pelajar di IPT pemohon.<br><br>➢ Isirumah (Ibu dan Bapa) keluarga berpendapatan di bawah RM5,000 sebulan sahaja (gaji pokok).<br><br>➢ Keutamaan kepada mahasiswa yang memperoleh PNGK 3.0 dan ke atas.<br><br>➢ Pemberian sekali setahun sahaja bagi setiap pelajar mengikut peringkat pengajian. (Bantuan Sara Diri).<br><br>➢ Bantuan Sara Diri (Permohonan dibuka 1 Januari Sehingga 31 Ogos Setiap Tahun Bagi Tahun Semasa) | **Bantuan Sara Diri**<br>➢ Nilai bantuan (setahun) sebanyak RM700 |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | **Bantuan Kecemasan**<br><br>➢ Anak kelahiran Negeri Perak.<br><br>➢ Menghantar bukti pengesahan kejadian dalam bentuk Laporan Polis, Laporan Perubatan atau Pengesahan oleh Pemimpin Tempatan (Wakil Rakyat / Penghulu / Ketua Kampung / Pengerusi Kawasan Rukun Tetangga).<br><br>➢ Bantuan Kecemasan Mahasiswa Negeri Perak (sepanjang tahun dan perlu dihantar dalam tempoh 2 minggu (14 hari) dari tarikh berlakunya kejadian). | **Bantuan Kecemasan**<br>➢ Nilai bantuan (setahun) sebanyak RM300 – RM1,000 mengikut bencana atau musibah . |
| 11. | Bantuan Kemasukan Ke IPT oleh Tabung Baitulmal Pendidikan Negeri Sarawak | https://www.tbs.org.my | ➢ Pelajar Islam Sarawak atau mereka yang bermastautin di negeri Sarawak sahaja.<br><br>➢ Skop bantuan IPT dalam negara adalah bagi tujuan pendaftaran di Semester 1 Tahun Satu sahaja pada peringkat Diploma atau Ijazah Pertama, dan Sarjana bagi membolehkan mereka mendaftarkan diri.<br><br>➢ Keutamaan adalah kepada pelajar yang belum mendaftarkan diri di IPT. Permohonan hanya dibuka selama 40 hari (Termasuk hari Sabtu, Ahad & cuti umum) dari tarikh pendaftaran bagi mana-mana pelajar yang telah mendaftarkan diri di IPT. | ➢ Tidak dinyatakan. |
| 12. | Bantuan Sambung Belajar ke IPT untuk Anak Kelantan | https://www.e-maik.my | ➢ Pemohon hendaklah terdiri daripada golongan asnaf yang layak menerima zakat.<br><br>➢ Keutamaan diberikan kepada pemohon peranakan Kelantan. | Kadar bantuan kategori fakir miskin<br><br>➢ Pengajian peringkat Ijazah : RM2,500. |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | ➢ Merupakan bantuan untuk melanjutkan pelajaran ke IPT tempatan di peringkat pengajian asasi, diploma dan ijazah bagi pelajar semester satu sahaja.<br><br>➢ Pemohon layak memohon sebelum tarikh daftar atau selewat-lewatnya 2 bulan selepas tarikh pendaftaran di institusi pengajian masing-masing. | ➢ Pengajian peringkat Diploma : RM1,700.<br>➢ Asasi : RM500.<br><br>Kadar bantuan kategori fisabilillah<br>➢ Diploma dan Ijazah RM500 |
| 13. | Bantuan Derma Siswa Sambung pelajaran ke IPT Untuk Anak Negeri Kedah | http://zakatkedah.com.my | ➢ Pemohon sedang **bermastautin/ menetap di negeri Kedah (mengikut alamat pada surat tawaran)**.<br><br>➢ Pemohon menerima surat tawaran melanjutkan pelajaran bagi peringkat **Asasi/ Diploma/ Ijazah Sarjana Muda** secara sepenuh masa bermula tahun 2021 sahaja dan telah membuat pengesahan pengajian dengan pihak Universiti.<br><br>➢ Program pengajian bagi peringkat **PASCA-SISWAZAH** dan separuh masa **ADALAH TIDAK LAYAK**.<br><br>➢ Bantuan ini hanya diberikan **sekali sahaja** sepanjang tempoh pengajian **bagi setiap peringkat pengajian yang berbeza**. | ➢ Tidak dinyatakan. |
| 14. | Duit Bantuan Wang untuk Kemasukan Ke IPT bagi Anak Perlis dari Pusat Zakat Perlis **(Skim Agihan** | https://www.maips.gov.my | ➢ Pemohon hendaklah warganegara Malaysia beragama Islam dan tinggal di Perlis.<br><br>➢ Permohonan tidak melebihi tempoh 2 semester selepas pendaftaran. | ➢ Pengajian peringkat Ijazah : RM2,000.<br>➢ Pengajian peringkat Diploma : RM1,700.<br>➢ Asasi : RM1,200. |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | **Pelajaran Serta Merta IPT)** | | ➢ Telah mendapat tempat/ tawaran dan tidak bekerja. | |
| 15. | Bantuan Awal Pengajian IPT Dalam & Luar Negara bagi anak Negeri Terengganu | http://www.espmb.com | ➢ Pemohon adalah Rakyat Terengganu yang menetap di negeri Terengganu atau pemastautin tetap di negeri Terengganu tidak kurang daripada tiga (3) tahun berturut-turut sebelum melanjutkan pelajaran.<br><br>➢ Layak dipertimbangkan bantuan sekali sahaja untuk setiap satu tahap pengajian.<br><br>➢ Permohonan boleh dibuat tidak lebih 3 bulan dari tarikh pendaftaran dan dokumen hendaklah diserahkan dalam tempoh tersebut sahaja ke Pusat Urusan Zakat Daerah masing-masing.<br><br>➢ Keutamaan diberikan untuk pengajian sepenuh masa, walaubagaimanapun pengajian separuh masa boleh dipertimbangkan dan tempoh pengajian tidak kurang daripada enam (6) bulan. | ➢ Tidak dinyatakan. |
| 16 | Bantuan IPT kewangan pendidikan anak Negeri Johor dari Majlis Agama Islam Johor (MAIJ) | http://www.maij.gov.my | ➢ Beragama Islam<br>➢ Warganegara Malaysia<br>➢ Lahir /menetap tidak kurang 5 tahun berturut-turut serta membayar zakat fitrah (fitrah & harta) di dalam negeri Johor.<br>➢ Tidak mendapat bantuan daripada mana-mana pihak yang lain<br>➢ Pendapatan penjaga kurang dan tidak sampai kepada had mencukupi (had kifayah) | ➢ Tidak dinyatakan |